

# UMS bebas botol plastik mulai September

UM 4.7.2014 30

KOTA KINABALU 3 Julai - Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil keputusan menjadikan kampus tersebut bebas botol plastik mulai September ini.

Pengarah Pusat Eko Kampus UMS, Dr. Awangku Hassanah Bahar Pengiran Bagul berkata, ia sebahagian usaha mempromosikan kempen kebersihan di universiti berkenaan.

“Kita mahu menjadi contoh kampus terbaik dari aspek penjagaan alam sekitar. Oleh itu, UMS perlu melakukan perubahan bagi memastikan usaha tersebut berterusan dan kita dapat melihat hasilnya,” katanya ketika berucap dalam program Pengurusan Sisa Sampah UMS di Bangunan Canselori UMS di sini semalam.

Awangku Hassanah menambah, kempen tanpa botol plastik itu akan dimulakan di bangunan Canselori sebelum dilaksanakan di seluruh UMS.

Katanya, sebelum ini pihak UMS telah melakukan pelbagai program penjagaan alam sekitar termasuk memperkenalkan pengurusan tenaga, sisa dan pejabat hijau.

“Pihak kampus mendapati tiga sisa sampah utama yang menyumbang kepada pencemaran kampus adalah plastik, kertas dan botol plastik yang digunakan secara meluas,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, UMS turut menjalinkan kerjasama dengan Universiti Hokkaido, Jepun bagi projek reka bentuk interpretasi pusat kitar semula yang dijangka siap tahun ini.